

15 FEB 2000

UNCTAD-KEMPEN/I

JANGAN KEMPEN HENTAM KAWALAN MODAL, KATA THIRD WORLD NETWORK

Oleh: Muin Abdul Majid

BANGKOK, 15 Feb (Bernama) -- Eksperimen Malaysia menggunakan kawalan modal tidak harus ditentang kerana ia berjaya menghentikan kesan buruk aliran modal yang merosakkan ekonomi negara.

Demikian kenyataan Pegarah Eksekutif Third World Network (TWN) Martin Khor di sesi khas yang membincangkan perkembangan-perkembangan dalam kerangka kewangan baru yang dicadangkan, di sini hari ini, sempena Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan ke10 ( UNCTAD X).

Sesi itu turut menyaksikan penyertaan Ketua Ahli Ekonomi UNCTAD Yilmaz Akyuz dan Setiusaha Eksekutif Suruhanjaya Ekonomi bagi Amerika Latin dan Carribean, Jose Antonio Ocampo.

Beliau berkata daripada menghalang negara-negara menggunakan kawalan modal, masyarakat antarabangsa dan sistem kewangan harus membenarkan mereka melaksanakan dasar-dasar domestik, termasuk kawalan seperti itu.

"Kawalan yang dikenakan di Malaysia, contohnya, tidak mempunyai kesan negatif..... Saya rasa eksperimen Malaysia telah menarik minat banyak negara membangun lain.

"Tidak sepatutnya ada tentangan terhadap eksperimen Malaysia dan negara-negara seharusnya belajar daripadanya, termasuk keburukannya, jika ada," kata Khor.

Kerajaan Malaysia memperkenalkan kawalan modal berpilih pada Sept 1998 bagi membolehkannya menghentikan kesan manipulasi matawang dan spekulasi pasaran saham yang berlebihan yang telah melenyapkan usaha pembangunan berdekad-dekad lamanya.

Langkah yang dikritik oleh banyak pihak dalam masyarakat kewangan antarabangsa itu, teguh dipertahankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau juga sering menggesa supaya semakan semula dibuat ke atas sistem kewangan antarabangsa bagi mengelak berlaku sekali lagi krisis yang serupa.

"Kerana kami tidak mempunyai kawalanlah yang menyebabkan banyak negara-negara Asia tumbang ke dalam krisis ini," kata Khor, merujuk kepada krisis serantau yang bermula dengan penyusutan nilai baht Thai pada 1997.

Beliau berkata kerajaan Malaysia harus mengambil peranan utama dalam menganjurkan perbincangan dengan sekretariat UNCTAD mengenai bagaimana badan PBB itu boleh memperluaskan peranannya dalam memperbaiki sistem kewangan antarabangsa.

"Inilah peluang terbaik untuk kita memberikan asas kepada apakah bentuk struktur baru yang kita mahukan, kerana di peringkat politik, Malaysia telah menggesanya.

"Di peringkat asas, kerajaan harus memberikan ide-ide konkrit... dan UNCTAD boleh membantu," kata Khor, dan menambah bahawa ia boleh disusuli dan diteruskan di peringkat Asean dan Asia.

Beliau juga berkata negara-negara utama Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tidak harus meneruskan usaha mereka dalam memberikan IMF mandat untuk memasukkan keboleh tukaran akaun modal sebagai sebahagian daripada bidang kuasanya.

"Ini bermakna IMF boleh mendisiplinkan negara-negara membangun supaya membuka pasaran modal mereka dan matawang-matawang mereka yang boleh menyebabkan spekulasi dan krisis kewangan yang berlanjutan," katanya

Lagipun, katanya, negara-negara maju tidak harus meneruskan rancangan mereka untuk mengadakan perjanjian perbagai hala mengenai pelaburan (MAI)

kerana ia akan mewajibkan negara-negara berjanji membuka pasaran mereka bagi membolehkan aliran bebas dana antarabangsa ke dalam dan keluar negara dan ini termasuk modal jangka pendek, modal spekulasi serta pelaburan langsung.

"Sementara kita menyambut baik pelaburan langsung, kita tidak mengalu-alukan aliran modal jangka pendek," katanya.

Khor berkata negara-negara utama dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) harus menghentikan kempen mereka untuk memulakan perjanjian pelaburan baru dalam pertubuhan itu atas sebab-sebab yang sama.

"Perjanjian itu sekali lagi memaksa negara-negara meliberalkan aliran kewangan dan modal dari luar. Sementara sesebuah negara memerlukan pelaburan langsung asing (FDI), terpulanglah kepada setiap negara itu untuk memutuskan bagaimana FDI dialu-alukan dan bagaimana ia harus ditangani," katanya.

Beliau berkata WTO harus menyemak semula perjanjian perkhidmatan kewangan yang ditantang kira-kira dua tahun lepas kerana ia diputuskan sebelum implikasi krisis kewangan diketahui sepenuhnya.

Sebaliknya, katanya, langkah-langkah untuk membolehkan mangsa krisis kewangan menguruskan situasi ini harus diutarakan dan ini termasuk penubuhan mahkamah kebangkrapan seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat.

Beliau berkata langkah itu akan membolehkan negara-negara yang dilanda krisis menikmati pembekuan pembayaran hutang sementara mahkamah kebangkrapan bekerjasama dengan para sipiutang, seterusnya memberikan peluang kepada negara itu pulih.

"Ide penyelesaian hutang harus mempunyai cara perkongsian beban yang adil antara sipiutang dan siberhutang," tambahnya.

Khor berkata adalah tanggungjawab Amerika Syarikat, Eropah atau Jepun untuk mempunyai peraturan yang lebih baik bagi menghalang institusi-institusi kewangan mereka membuat spekulasi di luar negara atau membawa wang ke dalam negara lain dan mengeluarkannya semula tanpa bertanggungjawab.

"Untuk semua ini dicapai, pembaharuan mesti dilakukan kepada sistem kewangan antarabangsa bagi menjadikannya lebih demokratik, kerana pada masa ini, negara-negara kaya, institusi-institusi dan peserta kewangan yang menguasainya, mempunyai kepentingan untuk mengekalkan status semasa.

"Tetapi status semasa ini boleh meranapkan prospek negara di setiap tempat di dunia ini, akhirnya negara-negara kaya itu sendiri," katanya. --

BERNAMA

MAM JR